



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	25/11/2018	MUKA SURAT	: 50
JABATAN	:	YBM / JMG		
0140KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		



**Sultan Sallehuddin bersama Sultanah Maliha diberi penerangan mengenai jenis batu** oleh Pengarah Urusan Puncak Permata Rezeki, Aniza Saadudin pada majlis pemasyhuran Jerai Geopark di Gunung Jerai, Yan, semalam.



Formasi Jerai dengan usia batuan selama 550 juta tahun berada pada kedudukan tertinggi, iaitu 1,217 meter dari aras laut, menjadikan Gunung Jerai sangat unik dan memiliki nilai warisan geologi sangat tinggi ”

**Xavier Jayakumar,**  
Menteri Air, Tanah  
dan Sumber Asli

# Gunung Jerai jadi Geopark Kebangsaan

➔ Kawasan 800 kilometer persegi rangkumi Yan, Kuala Muda

Oleh **Muhammad Mustakim Ramli**  
m.mustakim@nstp.com.my

➔ Alor Setar

**G**eopark Jerai secara rasmi dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan, semalam, sempena Istiadat Peratabalan Sultan Kedah Ke-29.

Majlis pemasyhuran itu disempurnakan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah di kaki Gunung Jerai, Jerai, dekat

sini, semalam.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata usaha menjadikan Gunung Jerai tapak geopark bermula sejak 2016 sebelum ia diperakukan pada tahun lalu.

## Usia batuan 550 juta tahun

“Hingga kini, hanya ada 140 UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu) Global Geopark di seluruh dunia.

“Besarnya harapan kita supaya Geopark Jerai dapat mengiringi Langkawi UNESCO Global Geopark yang menjadi satu-satunya geopark global di Malaysia ketika ini,” katanya dalam ucapan pada majlis berkenaan.

Yang turut berangkat, Sultanah Kedah, Sultanah Maliha Tengku Ariff; Raja Muda Kedah, Tengku

Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin; dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Xavier berkata, Geopark Jerai berkeluasan 800 kilometer persegi merangkumi dua daerah, iaitu Yan dan Kuala Muda yang terpilih untuk pembangunan geopark.

“Secara saintifik, kawasan ini terletak dalam lingkungan geodiversiti Formasi Jerai, Formasi Mahang dan Granit Jerai.

“Formasi Jerai dengan usia batuan selama 550 juta tahun berada pada kedudukan tertinggi, iaitu 1,217 meter dari aras laut, menjadikan Gunung Jerai sangat unik dan memiliki nilai warisan geologi sangat tinggi,” katanya.

Beliau berkata, Granit Jerai yang membentuk landskap kawasan Jerai turut diharap mampu memukau pandangan pengunjung yang melalui lingkungan berkenaan.